

09 JUL 2003

Marzuki-Abdullah (Bergambar)/I

JEPUN PANDANG POSITIF PERALIHAN PUCUK PIMPINAN MALAYSIA

Oleh: Hafizah Kamaruddi

TOKYO, 9 Julai (Bernama) -- Jepun mempunyai pandangan yang "amat positif" terhadap peralihan pucuk pimpinan Malaysia Oktober ini apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka menjangka beliau (Abdullah) akan meneruskan dasar-dasar pro-perniagaan serta memperkukuhkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin antara kedua-dua negara," kata Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammad Noor hari ini.

Beliau berkata Abdullah, yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Luar untuk tempoh yang agak panjang sebelum ini, telah membina hubungan kukuh dan baik dengan para pemimpin Jepun dan beliau "bukan orang asing bagi Jepun".

"Abdullah, yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia dalam tempoh empat bulan lagi, turut terlibat dalam melaksana dan memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara, termasuk Dasar Pandang Ke Timur yang bermula pada 1981, bagi mencontohi budaya kerja positif yang dimiliki rakyat Jepun," katanya kepada wartawan Malaysia pada sidang media di Kedutaan Malaysia, di sini.

Beliau berkata lawatan rasmi tiga hari Abdullah ke Jepun yang bermula Khamis ini akan memacu "hubungan yang berada di tahap yang amat selesa sekarang" ke tahap yang lebih tinggi.

Selain mengadakan perbincangan dengan para pemimpin dan ahli politik Jepun, Abdullah yang dijadual tiba malam ini, akan turut mengadakan pertemuan dengan para pemimpin korporat negara matahari terbit ini.

Lawatan Abdullah adalah atas jemputan kerajaan Jepun. Kali terakhir beliau melawat negara ini ialah pada September 2000.

Abdullah mempunyai jadual lawatan yang ketat termasuk mengadakan pertemuan dengan anggota parlimen Jepun dan wakil media serta memperbaharui hubungannya dengan beberapa orang bekas menteri luar negara ini.

Ditanya sama ada tujuan lawatan Abdullah adalah untuk menegaskan dan memberi jaminan kepada kerajaan Jepun bahawa beliau akan meneruskan dasar luar negara yang sedia ada, Marzuki berkata: "Saya rasa begitulah. Datuk Seri Abdullah bukan orang asing kepada Jepun dan beliau pernah memegang jawatan sebagai Menteri Luar untuk tempoh yang panjang serta mengenali banyak pemimpin di seluruh dunia."

Abdullah dijadual memulakan aturcara lawatannya ke negara ini dengan merasmikan dan menyampaikan ucaptama kepada kira-kira 200 ahli perniagaan Jepun dan 150 ahli perniagaan Malaysia serta wakil-wakil sektor awam pada satu forum perniagaan yang dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) di sini pada pagi Khamis.

Ini akan diikuti dengan menghadiri majlis jamuan tengah hari bersama 16 pemimpin korporat Jepun untuk memberi peluang kepada beliau berinteraksi dan bertukar pendapat dengan mereka.

Abdullah juga dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi pada petang Khamis di kediaman rasmi beliau yang lebih dikenali sebagai "Sori Kantei" di sini bagi membincangkan langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua negara.

Marzuki berkata: "Kami (Malaysia-Japan) tidak mempunyai sebarang isu tertangguh. Jepun masih merupakan sumber penting bagi Pelaburan Langsung

Asing Malaysia dan menjadi sumber penting bagi pemindahan teknologi, manakala melalui Dasar Pandang Ke Timur, Jepun telah menjadi sumber utama untuk melatih tenaga kerja kita. Kita juga menggunakan Yen untuk membiayai projek pembangunan."

Semasa berkunjung ke sini, Abdullah juga dijangka menerima kunjungan hormat Menteri Kewangan Jepun, Masajuro Shiokawa dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Takeo Hiranuma pada petang Khamis di Imperial Hotel, tempat beliau menginap.

Pada malamnya pula, Abdullah akan diraikan pada majlis jamuan malam oleh Menteri Luar Yoriko Kawaguchi. Pada majlis itu, mereka dijangka berbincang tentang hubungan dan isu dua hala antara Malaysia-Jepun serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Rombongan Abdullah yang turut dianggotai lima menteri, dua timbalan menteri, tiga pemimpin negeri dan 149 ahli peniagaan, akan mengadakan pertemuan waktu sarapan pagi dengan Gabenor Bank Kerjasama Antarabangsa Jepun, Kyosuke Sinozawa, pada Jumaat di hotel berkenaan.

Beliau juga dijadualkan menerima kunjungan hormat presiden dan ketua pegawai eksekutif (CEO) Nihon Keizai Shimbun Inc (Nikkei), Ryoki Sugita dan menghadiri jamuan tengah hari bersama anggota parlimen Jepun.

Mereka yang menyertai rombongan Abdullah termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Dua timbalan menteri yang turut menyertai rombongan beliau ialah Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Khaled Nordin manakala tiga pemimpin negeri yang menyertainya ialah Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Besar Selango, Datuk Seri Mohamed Khir Toyo dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Kebanyakan menteri kabinet dan kesemua pemimpin negeri berkenaan akan membentangkan kertas kerja dan berucap pada forum perniagaan yang diadakan.

Pada pagi Jumaat, Timbalan Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan wakil media tempatan manakala pada malamnya, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan rakyat Malaysia yang tinggal di Jepun, termasuk pelajar.

Marzuki berkata kira-kira 150 penuntut Malaysia yang menuntut pada tahun pertama dan kedua di universiti negara ini akan menghadiri satu majlis jamuan malam dan dialog dengan Abdullah.

Kira-kira 1,500 penuntut Malaysia sedang melanjutkan pelajaran di Jepun.

Marzuki berkata pada petang Jumaat, Abdullah dijadual melawat Chiba University bagi meninjau penyelidikan yang dijalankan oleh Fakulti Hortikulturnya.

Timbalan Perdana Menteri dijangka berlepas pulang ke tanah air pada pagi Ahad.

-- BERNAMA  
HK KHY SP RON